

Pemuda pembangkang buat laporan polis

UM 18 MAR 2001

KUALA LUMPUR 17 Mac — Pemuda parti parti pakatan pembangkang hari ini membuat laporan polis berhubung kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menuduh Ketua Pemuda Keadilan Ezam Mohamad Noor menyebabkan tercetusnya pergaduhan di Kampung Medan Jalan Klang Lama sejak 8 Mac

Naib Ketua Pemuda Keadilan Low Chee Chong dalam laporannya mendakwa Perdana Menteri melalui kenyataannya yang disiarkan oleh akhbar *Sin Chew Jit Poh* semalam menuduh pergaduhan yang berlaku di Kampung Medan berkaitan dengan kenyataan Ezam

Dr Mahathir juga dikatakan menuduh Ezam telah memaklumkan kepada kawan kawannya di luar negara yang dia (Ezam) akan mengadakan rusuhan dalam negara sehingga kerajaan digulingkan

Tuduhan berkenaan adalah tidak berasas dan Dr Mahathir gagal mengemukakan sebarang bukti berkenaan tuduhan beliau

Oleh itu kenyataan Dr Mahathir itu merupakan satu bentuk fitnah yang serius dan bermat jahat jelasnya

Berikutan kenyataan Perdana Menteri itu Low bersama beberapa Pemuda komponen pakatan pembangkang hari ini membuat laporan polis di Balai Polis Dang Wangi di sini pada kira kira pukul 2 petang

Turut mengiringi beliau Ketua Pemuda Keadilan Johor Lokman Noor Adam dan Setiausaha Parti Rakyat Malaysia Jonson Chong

Ketua Polis Daerah Dang Wangi Asisten Komisioner Mohd Bakri Zinin mengesahkan menerima laporan tersebut

Menurut Mohd Bakri pihaknya akan menyiasat secara terperinci berhubung aduan yang dilaporkan oleh Low

Low yang ditemui selepas itu berkata laporan polis berhubung kenyataan Dr Mahathir itu turut dibuat di Alor Setar Pulau Pinang Kota Bharu dan Johor Bahru oleh parti barisan pembangkang

Sementara itu Timbalan Ketua Keadilan Alor Setar Lee Teik Hing membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Setar pada pukul 2 30 petang